

**HUBUNGAN DAN KEFUNGSIAN
KEKELUARGAAN DALAM KONTEKS
KELUARGA POLIGAMI**

MUHAMMAD AJIB BIN ABD RAZAK

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**HUBUNGAN DAN KEFUNGSIAN
KEKELUARGAAN DALAM KONTEKS
KELUARGA POLIGAMI**

oleh

MUHAMMAD AJIB BIN ABD RAZAK

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2021

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya, dapat saya menyiapkan kajian ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama saya Profesor Dr. Intan Hashimah yang telah menjadi tunggak utama dan tulang belakang dalam membantu saya menghasilkan kajian ini. Begitu juga dengan penyelia bersama Dr. Syazwani Drani yang banyak membantu saya dalam memantapkan dan memperkemaskan hasil kerja penulisan kajian ini. Sepanjang menyiapkan kajian ini, banyak ilmu, bimbingan dan tunjuk ajar daripada Prof telah dicurahkan kepada saya dalam memastikan kajian ini dapat disempurnakan dengan lebih asli dan berkualiti. Banyak teguran, nasihat dan komen yang membina telah diberikan oleh Prof dalam memastikan segala kelemahan dan kesilapan saya dapat diperbaiki dan dikemaskini dari semasa ke semasa sehinggalah terhasil kajian ini. Tidak dapat dinafikan, ketekunan, kewibawaan, keserjanaan, dan keperibadian Prof. dan Dr telah membuatkan saya menjadi lebih bersemangat dan gigih dalam menyempurnakan kajian ini sehingga saya menjadikan Prof dan Dr sebagai sumber kekuatan untuk menamatkan pengajian PhD dengan jayanya. Oleh itu, berjutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. dan Dr. kerana sentiasa sabar dan ikhlas dalam mendidik, mengajar, melatih dan menegur segala kesilapan saya dalam sepanjang proses penyeliaan. Semoga Allah SWT sahaja yang mampu membalas jasa baik dan pengorbanan Prof. dan Dr.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan sejabuat saya di Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia (Psitra), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), terutamanya pengerusi pusat Prof. Madya Datin Dr. Fauziah Ibrahim yang banyak memberikan dorongan, tunjuk ajar, ambil berat dan

melatih saya dalam penulisan artikel jurnal, begitu juga bekas pengerusi pusat Prof. Madya Dr. Wan Shahrazad Wan Sulaiman yang memudahkan proses pelepasan cuti belajar. Saya amat berbangga untuk menyatakan bahawa rakan-rakan sejabuat Psitra tidak pernah jemu berkongsi ilmu dan sangat menyokong saya dalam menyiapkan kajian PhD ini. Tidak dilupakan rakan sejabuat yang paling saya rapat yang sentiasa bersama-sama saat susah dan senang dalam berjuang menyiapkan PhD ini, iaitu Saudara Asmuni Ab. Ghani dan Dr. Norshaffika Izzaty Zaiedy Nor, juga Penghulu Mukim Bukit Changgang, Encik Mohd Nor Hasan. Bantuan dan sokongan anda bertiga amat saya hargai.

Seterusnya, saya ingin berterima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang paling saya cintai di dunia ini iaitu Encik Abd Razak bin Nordin dan Almarhumah Rahmah Bt Md Daud. Ibu bapa saya adalah insan yang telah banyak berkorban dari segi masa, wang ringgit, dan tenaga dalam memastikan kelancaran saya menyiapkan PhD ini. Ayah saya adalah insan yang paling banyak bertanya dan mengambil berat tentang kemajuan saya dalam pengajian ini. Keberkatan doa ibu bapa saya adalah sumbangan utama di sebalik kejayaan dalam menyempurnakan kajian ini. Al-Fatihah kepada arwah ibu saya yang telah kembali ke rahmatullah pada 11 April 2018, sesungguhnya anakmu ini sangat berasa sedih kerana tidak dapat berkongsikan kejayaan ini bersama-sama. Semoga Allah SWT menempatkan ibu dalam syurga bersama-sama orang beriman dan amal soleh. Tidak saya lupakan juga kepada adik beradik saya Zamarul, Rosilah, Johannizam, Shamsiah, Salasiah dan Siti Hajjar, dan ipar-ipar saya, Rosnina, Norazam, Nor Hafeza, Mohd Ridhwan, Yazid, dan Nawawi. Terima kasih di atas sokongan dan doa kalian semua.

Penghargaan terima kasih juga kepada isteri tercinta, Dr Nurul ‘Ezzah bt Khairul ‘Azmi kerana sentiasa berdoa, memberikan sokongan, memahami, dan sentiasa mengambil berat pada masa saya mengalami masalah dan kesukaran dalam menyiapkan kajian ini. Saya sangat bersyukur kepada Allah SWT kerana dikurniakan isteri yang sangat memahami dalam menyelami perasaan dan keadaan saya dari segi mental dan fizikal di saat saya berhadapan dengan pelbagai ujian dan rintangan untuk menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada ibu bapa mertua saya Dato Dr. Khairul ‘Azmi dan Prof. Madya Datin Dr. Nooraini Othman yang banyak mengambil berat dan membantu saya untuk menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Akhir sekali, saya ingin berterima kasih kepada Unit Perkembangan Kerjaya, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar Universiti Kebangsaan Malaysia yang memberikan ruang dan masa yang secukupnya kepada saya untuk menyambung pengajian PhD secara bergaji penuh. Tidak lupa juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPT) yang mengurniakan hadiah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) sepanjang tiga tahun pengajian di USM. Saya juga berterima kasih kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang merupakan tempat untuk saya menuntut ilmu dengan memberikan pelbagai kemudahan yang lengkap untuk menjamin keselesaan sepanjang pengajian saya di USM. Jutaan terima kasih juga kepada semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Segala kerjasama dan bantuan yang anda semua berikan adalah paling utama dalam menyempurnakan kajian ini.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
ABSTRAK	xxii
ABSTRACT	xxiv
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian.....	12
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Definisi Konseptual	16
1.6.1 Poligami	16
1.6.2 Keluarga	17
1.6.3 Bentuk Hubungan	18
1.6.4 Kualiti dan Kepuasan Hubungan	18
1.6.5 Penyesuaian dan Kesepaduan Keluarga.....	19
1.6.6 Kefungsian Keluarga dalam Konteks Umum	20
1.7 Definisi Operasi	20
1.7.1 Poligami	20
1.7.2 Keluarga	20
1.7.3 Bentuk Hubungan	21
1.7.4 Kualiti dan Kepuasan Hubungan	21

1.7.5	Penyesuaian dan Kesepaduan keluarga	21
1.7.6	Kefungsian Keluarga dalam Konteks Umum	22
1.8	Skop Kajian.....	22
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	24
2.1	Pengenalan	24
2.2	Definisi Poligami	25
2.3	Bentuk Poligami.....	26
2.3.1	Poligami	26
2.3.2	Poligini	26
2.3.3	Bigami.....	27
2.3.4	Poliandri.....	27
2.3.5	Pernikahan Berkelompok.....	28
2.3.6	Kesimpulan Definisi Poligami.....	29
2.4	Amalan Poligami dalam Konteks Budaya	29
2.4.1	Dunia.....	29
2.4.2	Asia	33
2.4.3	Malaysia.....	38
2.4.4	Kesimpulan Amalan Poligami dalam Konteks Budaya.....	41
2.5	Faktor dan Tujuan Poligami.....	42
2.5.1	Faktor Poligami.....	42
2.5.1(a)	Agama	42
2.5.1(b)	Status Ekonomi.....	44
2.5.1(c)	Norma Sosial	45
2.5.2	Tujuan Poligami.....	46
2.5.3	Kesimpulan Faktor dan Tujuan Poligami	49
2.6	Psikologi Positif Dalam Kekeluargaan Poligami.....	50
2.7	Kajian Poligami di Malaysia.....	56

2.8	Bentuk Hubungan Keluarga Poligami	60
2.8.1	Hubungan Antara Suami Dengan Para Isteri	60
2.8.2	Hubungan Antara Para Isteri.....	69
2.8.3	Hubungan Anak-Anak Dengan Keluarga	72
2.9	Poligami, Kefungsian Kekeluargaan dan Kepuasan Perkahwinan	74
2.9.1	Perspektif Suami	74
2.9.2	Perspektif Para Isteri dan Anak-Anak.....	77
2.10	Penyesuaian dan Kesepaduan Keluarga Poligami	82
2.11	Kefungsian Keluarga Poligami Secara Umum	90
2.11.1	Hubungan Sosial	90
2.11.1(a)	Perpektif Suami	90
2.11.1(b)	Perspektif Para Isteri dan Anak-Anak	92
2.11.2	Prestasi Akadamik dan Tempat Kerja.....	93
2.11.2(a)	Para Suami dan Isteri.....	93
2.11.2(b)	Perspektif Anak-Anak	95
2.11.3	Kesihatan Mental dan Fizikal	97
2.11.3(a)	Para Suami.....	97
2.11.3(b)	Para Isteri dan Anak-Anak	99
2.12	Poligami Dari Perspektif Teori	102
2.12.1	Politik, Kuasa dan Pengaruh.....	102
2.12.2	Produksi dan Reproduksi	104
2.12.3	Teori Pilihan Lelaki dan Wanita	107
2.12.4	Teori penyesuaian diri Schneiders (1960)	108
2.12.5	Teori Ekologi Manusia	114
2.13	Kerangka Teoretikal.....	120
2.14	Kerangka Konseptual Kajian	121

BAB 3	METODOLOGI.....	126
3.1	Pendahuluan	126
3.2	Reka Bentuk Kajian	126
3.3	Persampelan	129
3.4	Lokasi Kajian	132
3.5	Teknik Pengumpulan Data.....	133
	3.5.1 Temu Bual Mendalam.....	133
3.6	Instrument Kajian.....	135
	3.6.1 Panduan Soalan Temu Bual	136
	3.6.2 Pita Rakaman Suara	137
	3.6.3 Buku Catatan.....	138
	3.6.4 Penyelidik Sebagai Instrumen.....	138
3.7	Prosedur Pengumpulan Data.....	140
3.8	Analisis Data.....	144
3.9	Kajian Rintis	145
3.10	Etika Penyelidikan	148
	3.10.1 Persetujuan Termaklum	149
	3.10.2 Non-Judgmental Environment	150
	3.10.3 Penyimpanan dan Penghapusan Data	150
	3.10.4 Kerahsiaan.....	151
	3.10.5 Agama/Jantina dan Bias Penyelidik.....	151
3.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan	152
3.12	Rumusan Metodologi.....	154
BAB 4	DAPATAN KAJIAN.....	156
4.1	Pendahuluan	156
4.2	Demografi Responden	156
4.3	Objektif Kajian 1: Meneroka Bentuk Hubungan Dalam Konteks Keluarga Poligami	159

4.3.1	Perspektif Suami	159
4.3.1(a)	Hubungan Ke Arah Kemesraan.....	159
4.3.1(b)	Komunikasi Terbuka, Sepakat dan <i>Multiway</i>	162
4.3.1(c)	Sokongan Bersyarat dan Taat.....	164
4.3.1(d)	Konflik Berbilang Tingkat	168
4.3.1(e)	Kepercayaan Secara Menyeluruh	171
4.3.1(f)	Layanan Bermula Negatif Kepada Positif.....	173
4.3.2	Perspektif Isteri Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat.....	176
4.3.2(a)	Hubungan dengan Suami Adalah Biasa-Biasa	177
4.3.2(b)	Hubungan ada Pasang Surut.....	178
4.3.2(c)	Hubungan Bertambah Baik	180
4.3.3	Komunikasi Terbuka dan Banyak Meluah.....	181
4.3.4	Sokongan dalam Bentuk Sentuhan Nasihat Ilmu Poligami	185
4.3.5	Konflik	188
4.3.5(a)	Konflik Perasaan Cemburu.....	188
4.3.5(b)	Konflik Ekonomi dalam Pengurusan Rumah Tangga	191
4.3.6	Kepercayaan Hampir Menyeluruh dan Banyak Berserah kepada Allah SWT	193
4.3.7	Layanan Baik dan Biasa Serta Berbeza Berbanding Monogami	196
4.3.8	Perspektif Anak-Anak.....	200
4.3.8(a)	Hubungan Kekeluargaan Adalah Baik	201
4.3.8(b)	Komunikasi Terbuka Tetapi Kurang Bercakap.....	203
4.3.8(c)	Banyak Berkongsi Hal Peribadi Dengan Ibu Berbanding Ayah.....	205
4.3.8(d)	Menerima Sokongan dalam Aspek Pendidikan dan Kerjaya	207
4.3.8(e)	Konflik Persoalan dalam Diri.....	209

4.3.8(f)	Kepercayaan Bergantung kepada Usaha Menguruskan Poligami.....	211
4.4	Rumusan Dapatan Kajian Objektif Pertama	213
4.5	Objektif Kajian 2: Mengenal Pasti Bentuk Kualiti dan Kepuasan Keluarga Poligami	213
4.5.1	Perspektif Suami	214
4.5.1(a)	Para Isteri Boleh Memahami dari Segi Ekonomi dan Tanggungjawab Bertambah	214
4.5.1(b)	Para Isteri Boleh Berinteraksi Secara Positif.....	216
4.5.1(c)	Pengisian Ilmu dan Aktiviti Aktif Dalam Rumah Tangga	218
4.5.2	Perspektif Isteri Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat.....	221
4.5.2(a)	Diri Sendiri Berfikiran Rasional dan Tidak Syak Wasangka	221
4.5.2(b)	Menghormati Pendapat dan Pandangan Isteri	224
4.5.2(c)	Sabar dalam Belajar Memahami Karakter Pasangan	226
4.5.2(d)	Suami Mempunyai Kepimpinan Tegas	228
4.5.2(e)	Amalkan Perbincangan dan Persetujuan Bersama	229
4.5.2(f)	Jadikan Madu Sebagai Kawan Rapat	231
4.5.3	Perspektif Anak-Anak.....	233
4.5.3(a)	Ayah Boleh Gembirakan Keluarga	233
4.5.3(b)	Jangan Memendam dan Luahkan Rasa Tak Puas Hati	235
4.5.3(c)	Ambil berat dan Menguruskan Keluarga Dengan Baik	237
4.5.4	Rumusan Dapatan Kajian Objektif Kedua.....	240
4.6	Objektif Kajian 3: Mengenal Pasti Penilaian Ahli Keluarga Dalam Menilai Poligami Dari Sudut Penyesuaian Dan Kesepaduan Keluarga.....	240
4.6.1	Perspektif Suami	240
4.6.1(a)	Sentiasa Berlapang Dada dan Sering Memaafkan.....	241

4.6.1(b)	Merasionalkan Pemikiran Ahli Keluarga	243
4.6.1(c)	Tempoh Penyesuaian Setahun Hingga Lima Tahun	245
4.6.1(d)	Perbanyakkan Aktiviti dan Menggelakkan Prasangka.....	247
4.6.2	Perspektif Isteri Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat	249
4.6.2(a)	Jangan Terlalu Berfikir (Fokus kepada Diri Sendiri)	249
4.6.2(b)	Tempoh Penyesuaian 2 Bulan Hingga 6 Tahun	251
4.6.2(c)	Melatih Diri Supaya Berdikari	256
4.6.2(d)	Menerima Poligami Dengan Hati Terbuka dan Berserah Kepada Allah SWT	259
4.6.2(e)	Mempelajari Persekitaran Baru dan Mengawal Konflik Diri	261
4.6.3	Perspektif Anak-anak	267
4.6.3(a)	Jadikan Ibu Bapa Sebagai Sumber Rujukan.....	267
4.6.3(b)	Tempoh Penyesuaian 1 Hingga 3 Tahun.....	269
4.6.3(c)	Melibatkan Aktiviti Secara Bersama.....	270
4.6.4	Rumusan Dapatan Kajian Objektif Ketiga	273
4.7	Objektif Kajian 4: Mengenal pasti Kefungsian Ahli Keluarga Dalam Konteks Yang Umum	273
4.7.1	Perspektif Suami	273
4.7.1(a)	Prestasi Kerja Turun Naik	274
4.7.1(b)	Masyarakat Bersikap Positif dan Negatif	276
4.7.1(c)	Stigma dari Masyarakat Sekeliling.....	278
4.7.1(d)	Keadaan Fizikal dan Mental Adalah Baik.....	281
4.7.2	Perspektif Isteri Pertama, Kedua, Ketiga dan Keempat.....	283
4.7.2(a)	Prestasi Kerjaya dan Pangkat Semakin Meningkatkan	284
4.7.2(b)	Urusan Tugas Suri Rumah Berjalan Seperti Biasa.....	289
4.7.2(c)	Mendapat Belas Ehsan	290

4.7.2(d)	Mendengar Banyak Hasutan Negatif.....	291
4.7.2(e)	Masyarakat Memandang Serong Sehingga Berhati- Hati Untuk Bergaul	293
4.7.2(f)	Kesihatan Mental Turun Naik	296
4.7.2(g)	Tekanan dan Beremosi Pada Peringkat Awal Poligami.....	298
4.7.3	Perspektif Anak-anak.....	300
4.7.3(a)	Prestasi Kerja dan Akademik Adalah Baik	300
4.7.3(b)	Stigma Masyarakat dan Rakan Sekeliling ada Negatif dan Positif.....	302
4.7.3(c)	Beremosi pada Peringkat Awal Poligami.....	305
4.7.4	Rumusan Dapatan Kajian Objektif Keempat.....	307
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	308
5.1	Pendahuluan	308
5.2	Objektif Kajian 1: Perbincangan Bentuk Hubungan Dalam Konteks Keluarga Poligami	309
5.2.1	Hubungan antara Ahli Keluarga Berbentuk Dinamik (Tidak Stabil).....	310
5.2.1(a)	Hubungan Ke Arah Kemesraan.....	310
5.2.1(b)	Hubungan dengan Suami Adalah Biasa-Biasa	311
5.2.1(c)	Hubungan Kekeluargaan Adalah Baik	313
5.2.2	Ahli Keluarga Sentiasa Menyokong Antara Satu Sama Lain	314
5.2.2(a)	Sokongan Bersyarat dan Taat.....	315
5.2.2(b)	Sokongan dalam Bentuk Sentuhan Nasihat Ilmu Poligami.....	316
5.2.2(c)	Menerima Sokongan dalam Aspek Pendidikan dan Kerjaya	318
5.2.3	Hubungan Kekeluargaan Menuju Ke Arah Penyesuaian yang Lebih Baik.....	319
5.2.3(a)	Layanan Bermula Negatif Kepada Positif.....	319

5.2.3(b)	Layanan Adalah Baik Dan “Biasa-Biasa” dan Lebih Baik Lagi Berbanding Monogami.....	321
5.2.3(c)	Berkongsi Hal-Hal Peribadi dengan Ibu Berbanding Ayah	322
5.2.4	Konflik dalam Keluarga Poligami Adalah Unik.....	323
5.2.4(a)	Konflik Berbilang Tingkat	324
5.2.4(b)	Konflik Ekonomi dalam Pengurusan Rumah Tangga dan Perasaan Cemburu	325
5.2.4(c)	Konflik Persoalan Dalam Diri	328
5.2.5	Keluarga Poligami Menggunakan Komunikasi Terbuka.....	329
5.2.5(a)	Komunikasi Terbuka, Sepakat dan <i>Multiway</i>	329
5.2.5(b)	Komunikasi Terbuka dan Banyak Meluah	330
5.2.5(c)	Komunikasi Terbuka Tetapi Kurang Bercakap.....	332
5.2.6	Kepercayaan Antara Ahli Keluarga Adalah Tidak Konsisten	333
5.2.6(a)	Kepercayaan Secara Menyeluruh	334
5.2.6(b)	Kepercayaan Hampir Menyeluruh dan Banyak Berserah kepada Allah SWT	335
5.2.6(c)	Kepercayaan Bergantung Kepada Usaha Menguruskan Poligami.....	337
5.2.7	Rumusan Hasil Kajian Objektif Pertama	338
5.3	Objektif kajian 2: Perbincangan dalam mengenal pasti bentuk kualiti dan kepuasan keluarga Poligami.....	342
5.3.1	Jaringan Interaksi dan Komunikasi Efektif.....	343
5.3.1(a)	Jadikan Madu Sebagai Kawan Rapat	343
5.3.1(b)	Para Isteri Boleh Berinteraksi Secara Positif.....	344
5.3.1(c)	Jangan Memendam dan Meluahkan Rasa Tak Puas Hati	346
5.3.1(d)	Diri Sendiri Berfikiran Rasional dan Tidak Syak Wasangka	347
5.3.2	Pengisian Program Kekeluargaan	348

5.3.2(a)	Pengisian Ilmu dan Aktiviti Aktif Dalam Rumah Tangga	348
5.3.2(b)	Ayah Boleh Gembirakan Keluarga	349
5.3.2(c)	Amalkan Perbincangan dan Persetujuan Bersama	350
5.3.3	Mempunyai Nilai Positif Dalam Karakter dan Personaliti	351
5.3.3(a)	Para Isteri Boleh Memahami Dari Segi Ekonomi dan Tanggungjawab Bertambah	352
5.3.3(b)	Menghormati Pendapat dan Pandangan Isteri	353
5.3.3(c)	Sabar Dalam Belajar Memahami Karakter Pasangan	354
5.3.3(d)	Suami Mempunyai Kepimpinan Tegas	355
5.3.3(e)	Ambil Berat Dalam Menguruskan Keluarga Dengan Baik	357
5.3.4	Rumusan Hasil Kajian Objektif Kedua.....	358
5.4	Objektif Kajian 3: Perbincangan Penilaian Ahli Keluarga Poligami Dari Sudut Penyesuaian Dan Kesepaduan Keluarga.	362
5.4.1	Penyesuaian Dari Sudut Kognitif.....	363
5.4.1(a)	Merasionalkan Pemikiran Ahli Keluarga	363
5.4.1(b)	Jangan Terlalu Berfikir (Fokus Kepada Diri Sendiri)	364
5.4.2	Penyesuaian Dari Sudut Sikap dan Tingkah Laku.....	366
5.4.2(a)	Memperbanyakkan Aktiviti dan Menggelakkan Prasangka.....	366
5.4.2(b)	Melatih Diri Untuk Berdikari	368
5.4.2(c)	Jadikan Ibu Bapa Sebagai Sumber Rujukan.....	369
5.4.2(d)	Mempelajari Persekitaran Baru dan Mengawal Konflik Diri	371
5.4.2(e)	Melakukan Aktiviti Secara Bersama.....	372
5.4.3	Penyesuaian Dari Segi Tempoh Masa	373
5.4.3(a)	Satu Hingga Lima Tahun	373
5.4.3(b)	Dua Bulan Hingga Enam Tahun.....	375

5.4.3(c)	Satu Hingga Tiga Tahun.....	376
5.4.4	Penyesuaian Dari Segi Rohani dan Spritual	377
5.4.4(a)	Sentiasa Berlapang Dada dan Sering Memaafkan.....	377
5.4.4(b)	Menerima Poligami Dengan Hati Terbuka dan Berserah Kepada Allah SWT	378
5.4.5	Rumusan Hasil Kajian Objektif Ketiga	379
5.5	Objektif Kajian 4: Perbincangan Kefungsian Ahli Keluarga Dalam Konteks Yang Umum	383
5.5.1	Keluarga Berpoligami Masih Menerima Stigma dan Persepsi Negatif Daripada Masyarakat	384
5.5.1(a)	Stigma Dari Masyarakat Sekeliling.....	384
5.5.1(b)	Masyarakat Bersikap Positif dan Negatif.....	386
5.5.2	Prestasi Kerja dan Akademik Tidak Terjejas.....	387
5.5.2(a)	Prestasi Kerjaya Meningkatkan.....	387
5.5.2(b)	Prestasi Akademik dan Pekerjaan Anak-Anak Memuaskan	389
5.5.3	Kesihatan Mental Ahli Keluarga Tidak Stabil pada Peringkat Permulaan Poligami	391
5.5.3(a)	Kesihatan Mental Turun Naik	391
5.5.3(b)	Beremosi Pada Awal Memulakan Kehidupan Poligami.....	393
5.5.4	Rumusan Hasil Kajian Objektif Keempat.....	394
5.6	Implikasi Kajian.....	398
5.6.1	Implikasi Dari Sudut Teoritikal	398
5.6.1(a)	Implikasi Terhadap Teori Penyesuaian Diri Schneiders (1960).....	398
5.6.1(b)	Implikasi terhadap teori ekologi manusia Urie Bronfenbrenner (1979)	401
5.6.2	Implikasi Terhadap Praktis Kaunseling Keluarga	404
5.6.3	Implikasi Terhadap Psikologi Positif.....	408
5.6.4	Implikasi Terhadap Polisi dan Dasar Keluarga Negara.....	410

5.7	Limitasi Kajian.....	412
5.8	Cadangan Kajian Akan Datang.....	414
5.9	Kesimpulan	415
	RUJUKAN	417

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1	Kriteria Inklusi dan Eksklusi Responden 131
Jadual 3.2	Maklumat Responden Kajian Rintis..... 148
Jadual 3.3	Rumusan Metodologi Kajian..... 155
Jadual 4.1	Demografi Responden 158
Jadual 4.2	Hubungan ke arah kemesraan..... 161
Jadual 4.3	Komunikasi terbuka, sepakat dan <i>multiway</i> 163
Jadual 4.4	Sokongan bersyarat dan taat 166
Jadual 4.5	Konflik berbilang tingkat..... 170
Jadual 4.6	Kepercayaan secara menyeluruh 173
Jadual 4.7	Layanan bermula negatif kepada positif..... 175
Jadual 4.8	Hubungan Hanya Biasa-Biasa 178
Jadual 4.9	Hubungan Ada Pasang Surut..... 179
Jadual 4.10	Hubungan Bertambah Baik 181
Jadual 4.11	Komunikasi Terbuka Dan Banyak Berkongsi..... 184
Jadual 4.12	Sokongan dalam bentuk sentuhan nasihat ilmu poligami 187
Jadual 4.13	Konflik Perasaan Cemburu..... 190
Jadual 4.14	Konflik Ekonomi Dalam Pengurusan Rumah Tangga Dan Perasaan Cemburu 192
Jadual 4.15	Kepercayaan Hampir Menyeluruh Dan Banyak Berserah Kepada Allah SWT..... 195
Jadual 4.16	Layanan baik dan biasa serta berbeza berbanding monogami 199
Jadual 4.17	Hubungan Kekeluargaan Adalah Baik 202
Jadual 4.18	Komunikasi Terbuka Tetapi Kurang Bercakap 204

Jadual 4.19	Banyak Berkongsi Hal Peribadi Dengan Ibu Berbanding Ayah.....	206
Jadual 4.20	Banyak Mendapat Sokongan Dalam Aspek Persekolahan/Kerjaya	208
Jadual 4.21	Konflik persoalan dalam diri	210
Jadual 4.22	Kepercayaan Bergantung Kepada Usaha Menguruskan Poligami.....	212
Jadual 4.23	Rumusan bentuk hubungan kekeluargaan poligami	213
Jadual 4.24	Para isteri boleh memahami dari segi ekonomi dan tanggungjawab bertambah.....	215
Jadual 4.25	Para isteri boleh berinteraksi secara positif	217
Jadual 4.26	Pengisian ilmu dan aktiviti aktif dalam rumah tangga	220
Jadual 4.27	Diri sendiri berfikiran rasional dan tidak syak wasangka.....	223
Jadual 4.28	Menghormati pendapat dan pandangan isteri	225
Jadual 4.29	Sabar dalam belajar memahami karakter pasangan.....	227
Jadual 4.30	Suami mempunyai Kepimpinan yang Tegas	229
Jadual 4.31	Amalkan perbincangan dan persetujuan bersama	231
Jadual 4.32	Jadikan madu sebagai kawan rapat.....	233
Jadual 4.33	Ayah boleh gembirakan keluarga	235
Jadual 4.34	Jangan memendam dan luahkan rasa tak puas hati	237
Jadual 4.35	Ambil berat dan menguruskan keluarga dengan baik.	239
Jadual 4.36	Rumusan bentuk kualiti dan kepuasan poligami	240
Jadual 4.37	Sentiasa berlapang dada dan sering memaafkan	242
Jadual 4.38	Sentiasa Merasionalisasikan Pemikiran Isteri-Isteri dan Anak-Anak.....	244
Jadual 4.39	Tempoh masa menyesuaikan diri adalah setahun hingga lima tahun	246
Jadual 4.40	Perbanyakkan aktiviti dan mengelakkan prasangka	248
Jadual 4.41	Jangan Terlalu Berfikir dan Fokus Kepada Diri Sendiri	251

Jadual 4.42	Tempoh Masa Menyesuaikan Diri Antara 2 Bulan Hingga 6 Tahun	254
Jadual 4.43	Melatih Diri Supaya Berdikari	258
Jadual 4.44	Terima poligami dengan hati terbuka dan berserah kepada Allah SWT	260
Jadual 4.45	Sentiasa Belajar Persekitaran Baru Dan Mengawal Konflik Diri	265
Jadual 4.46	Jadikan ibu bapa sebagai sumber rujukan	268
Jadual 4.47	Tempoh Menyesuaikan Diri 1 Hingga 3 Tahun	270
Jadual 4.48	Melibatkan aktiviti secara bersama	272
Jadual 4.49	Rumusan penilaian poligami dari sudut penyesuaian dan kesepaduan keluarga.....	273
Jadual 4.50	Prestasi kerja turun naik	275
Jadual 4.51	Masyarakat bersikap positif dan negatif	277
Jadual 4.52	Stigma masyarakat sekeliling	280
Jadual 4.53	Keadaan fizikal dan mental adalah baik	282
Jadual 4.54	Prestasi kerjaya dan pangkat semakin meningkat	286
Jadual 4.55	Urusan tugas suri rumah berjalan seperti biasa	289
Jadual 4.56	Mendapat Belas Ehsan.....	291
Jadual 4.57	Mendengar banyak hasutan negatif	293
Jadual 4.58	Masyarakat memandang serong sehingga berhati-hati untuk bergaul	295
Jadual 4.59	Kesihatan mental turun naik	297
Jadual 4.60	Tekanan dan beremosi pada peringkat awal poligami.....	299
Jadual 4.61	Prestasi kerja dan belajar adalah baik.....	302
Jadual 4.62	Stigma Masyarakat dan Rakan Sekeliling Ada Negatif Dan Positif.	304
Jadual 4.63	Beremosi Pada Awal Kehidupan Poligami	306
Jadual 4.64	Rumusan kefungsiian poligami dalam konteks umum.....	307
Jadual 5.1	Tema yang mewakili kategori PERMA.....	409

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 Model Ekologi Bronfenbrenner (Sumber: Bronfenbrenner, 1977).....	119
Rajah 2.2 Kerangka konseptual kajian menunjukkan perkaitan antara di antara bentuk hubungan, kualiti dan kepuasan, penyesuaian dan kesepaduan dan kefungisian anggota keluarga poligami secara umum.	122
Rajah 5.1 Bentuk hubungan keluarga poligami.....	309
Rajah 5.2 Bentuk kualiti dan kepuasan poligami.....	342
Rajah 5.3 Penyesuaian dan kesepaduan ahli keluarga poligami.....	362
Rajah 5.4 Kefungsian keluarga poligami dalam konteks umum	383
Rajah 5.5 Cadangan penambahbaikan piramid teori penyesuaian diri Schneiders (1999).	401
Rajah 5.6 Cadangan Model Ekologi hubungan dan kefungisian poligami	404
Rajah 5.7 Cadangan pelan rabuatan kepada ahli terapi dalam mengendalikan kes klien poligami	407

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Persetujuan Penyertaan Kajian
Lampiran B	Surat Kebenaran Ibu Bapa
Lampiran C	Panduan Soalan Temu Bual Suami
Lampiran D	Panduan Soalan Temu Bual Isteri
Lampiran E	Panduan Soalan Temu Bual Anak-Anak
Lampiran F	Surat Kelulusan Etika JEPeM
Lampiran G	Surat Kebenaran Menjalankan Kerja Lapangan

HUBUNGAN DAN KEFUNGSIAN KEKELUARGAAN DALAM KONTEKS KELUARGA POLIGAMI

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka hubungan dan kefungsiian kekeluargaan dalam konteks keluarga poligami dengan berpandukan psikologi positif. Kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis tematik dijalankan bagi menjawab empat persoalan kajian spesifik iaitu: (1) Apakah bentuk hubungan dalam konteks keluarga berpoligami? (2) Bagaimanakah bentuk kualiti dan kepuasan keluarga poligami? (3) Bagaimanakah ahli keluarga menilai poligami dari sudut penyesuaian dan kesepaduan keluarga? (4) Bagaimanakah kefungsiian keluarga poligami dalam konteks yang umum? Oleh itu, seramai 21 orang responden daripada enam buah keluarga poligami di sekitar negeri Selangor telah dipilih secara persampelan bertujuan untuk ditemu bual. Temu bual mendalam telah dijalankan secara bersemuka. Data yang terkumpul telah ditranskrip dan dianalisis secara manual. Analisa dilakukan mengikut kategori suami, para isteri dan anak-anak. Hasil kajian mendapati, terdapat enam bentuk tema hubungan keluarga poligami iaitu 1) hubungan antara ahli keluarga berbentuk dinamik (tidak stabil), 2) ahli keluarga sentiasa menyokong antara satu sama lain, 3) hubungan kekeluargaan menuju ke arah penyesuaian yang lebih baik, 4) konflik dalam keluarga poligami adalah unik, 5) keluarga poligami menggunakan komunikasi terbuka dan 6) kepercayaan antara ahli keluarga adalah tidak konsisten. Kemudian, terdapat tiga bentuk tema kualiti dan kepuasan keluarga poligami iaitu 1) jaringan interaksi dan komunikasi efektif, 2) pengisian program kekeluargaan dan 3) ada nilai positif dalam karakter dan personaliti. Selain itu, terdapat empat tema penilaian dari sudut penyesuaian dan kesepaduan keluarga iaitu 1) penyesuaian

kognitif, 2) sikap dan tingkah laku, 3) rohani dan spiritual dan 4) tempoh masa. Hasil penerokaan kefungasian keluarga dalam konteks umum telah menemukan tiga tema iaitu 1) ahli keluarga poligami masih menerima stigma dan persepsi negatif, 2) prestasi kerja dan akademik ahli keluarga poligami tidak terjejas dan 3) kesihatan mental ahli keluarga tidak stabil pada peringkat permulaan poligami. Dapatan kajian memberi kefahaman yang lebih menyeluruh dan mendalam tentang bentuk hubungan dan kefungasian keluarga poligami di Malaysia. Kajian ini juga menyumbang kepada perkembangan dan cadangan penambahbaikan teori, khususnya Model PERMA psikologi positif, penyesuaian diri Schneiders (1999) dan teori ekologi. Kajian ini juga memberi sumbangan ilmu khususnya dalam bidang kaunseling keluarga dengan meningkatkan kefahaman tentang implikasi poligami terhadap hubungan dan kefungasian setiap ahli keluarga secara komprehensif.

RELATIONSHIPS AND FAMILY FUNCTIONALITY IN THE CONTEXT OF POLYGAMOUS FAMILIES

ABSTRACT

The objective of the current study is to explore family relationships and functionality in the context of polygamous families and guided by positive psychology. A qualitative study by thematic analysis approach was carried out to answer four specific research questions: (1) What are the pattern of relationship in the context of polygamous families? (2) What are the patterns of quality and satisfaction of the polygamous families? (3) How do the family members evaluate the polygamy in terms of adaptation and family cohesiveness? (4) How do polygamous families function in the general context? A total of 21 respondents from six polygamous families around the state of Selangor were chosen to be interviewed based on the purposive sampling. In-depth interviews were conducted face-to-face. The collected data were transcribed and analyzed manually. The analyzed were done based on the categories of husbands, wives, and children. The study found six types of theme of polygamous family relationships, namely 1) the relationship between family members is dynamic (unstable), 2) family members are always supportive of each other, 3) family relationships are moving towards better adaptation, 4) conflicts in polygamous families are unique, 5) polygamous families use open communication, and 6) trust between family members is inconsistent. There are three forms of themes of quality and family satisfaction of polygamous families namely 1) effective interaction and communication networks, 2) fulfilling family programs and 3) positive values in character and personality. In addition, there are four evaluation themes in terms of family adaptation and integration, namely 1) cognitive, 2) attitude, and behavior

adjustment, 3) inner and spirituality, and 4) period of time. The results of the exploration of family functioning in the general context have found three themes namely 1) polygamous family members still receive stigma and negative perception, 2) polygamous family members performance at work, and academically are not affected, and 3) mental health of family members is unstable at the initial stage of polygamy. The findings of the study provide a more comprehensive and deeper understanding of the types of relationship and family functionality of polygamous families in Malaysia. This study also contributed to the development and improvement of relevant theories, particularly The PERMA model in positive psychology, personal adjustment theory by Schneiders (1999) and ecological theory. This study also contributed to body of knowledge especially the field of family counseling by increasing our understanding of the implications of polygamy on the relationship and functionality of each family member, comprehensively.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Poligami atau poligini merupakan salah satu daripada bentuk perkahwinan popular yang diamalkan di Malaysia mahupun di negara-negara di lain. Menurut istilah Dewan Bahasa dan Pustaka, poligami adalah amalan beristeri lebih daripada satu orang pada masa yang sama. Hal ini bermaksud, mana-mana lelaki yang mempunyai isteri lebih daripada seorang dikenali sebagai individu yang mempraktiskan poligami. Dalam aspek epistemologi, poligami berasal dari bahasa Yunani iaitu, *poly* atau *polus* yang bermaksud banyak dan *gamein* atau *gamos*, iaitu kahwin atau perkahwinan dengan isteri yang banyak atau perkahwinan yang melebihi daripada seorang sama ada lelaki mahupun wanita (Mukri, 2017).

Perkahwinan poligami bukan hanya berlaku di Malaysia tetapi turut diamalkan secara meluas dalam kebanyakan negara-negara luar seperti Kuwait, Timur Tengah, Arab Saudi, Arab Badwi dan Israel (Elbedour et al., 2002). Oleh sebab itu, statistik pada tahun 2016 menunjukkan lebih daripada setengah juta lelaki Arab Saudi mempunyai lebih dari satu isteri dengan sekitar 73,000 lelaki yang berusia di antara 25 hingga 49 tahun terlibat dalam perkahwinan poligami (Bernama, 2016, 25 Oktober). Jika dilihat perkembangan poligami di Malaysia khususnya pada tahun 2008, sebanyak 1,791 permohonan dikemukakan kepada Mahkamah Syariah untuk mendirikan poligami dan bilangan permohonan tersebut meningkat sebanyak 97 permohonan daripada 1,694 pemohon pada tahun 2007 dan berkemungkinan perkahwinan poligami dijangka meningkat sebanyak 5% pada setiap tahun (Bernama, 2010, 5 Januari). Peningkatan amalan poligami di peringkat dunia mahupun di

Malaysia telah membuktikan sistem dan iklim kekeluargaan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun.

Isu yang timbul dalam perkahwinan poligami menyumbang kepada risiko penceraian terhadap pasangan, antaranya boleh menjejaskan emosi anak-anak seperti emosi negatif iaitu sedih, marah, tertekan dan rasa kehilangan (Siti Nor Syafiqah & Mohd Nasir, 2019), masalah psikologikal pasangan dan anak-anak, perubahan tingkah laku, dan kekurangan sumber kewangan (Nuraimirah, Norulhuda Sarnon, & Nur Saadah, 2019) dan menjejaskan sokongan sosial ahli keluarga terutamanya kepada anak-anak (Norhayati Zulkefli & Zaidah Mustapha, 2016). Selain itu, terdapat juga kes-kes penderaan, isu penganiayaan dan ketidakadilan terhadap isteri (Thobejane, 2014; Hassouneh-Philips, 2001) dan menindas, tidak adil dan menjatuhkan maruah dan martabat isteri dalam perkahwinan poligami (Arif Rohman, 2013).

Daripada tinjauan literatur, hubungan dan kefungsiian keluarga yang mengambil kira daripada keseluruhan perspektif iaitu suami, isteri dan anak-anak masih tidak banyak dibincangkan. Kajian lepas hanya menumpukan kepada hubungan keluarga poligami secara umum dan sangat sedikit yang melihat dari bentuk hubungan, kualiti dan kepuasan, penyesuaian dan kesepaduan serta kefungsiian keluarga poligami secara komprehensif. Dalam bentuk hubungan keluarga poligami, kajian lepas mendapati, suami mempunyai hubungan yang lebih baik dan berkualiti dengan isteri kedua berbanding isteri pertama (Al-Krenawi, 1999), ada juga para isteri mendapat layanan yang baik dari segi kasih sayang dan kepercayaan (Seeley, 2012), suami yang terlalu bersikap dominan, kawalan pembuatan keputusan dan bersifat patriarki terhadap isteri (Thobejane, 2016), para isteri tidak menerima layanan yang baik dari segi emosi dan perasaan (Mukhuba, 2017) dan para isteri tidak memberikan sokongan terhadap hubungan poligami (Sodi et al., 2010). Maka, kajian ini meneroka hubungan

setiap anggota keluarga dari segi komunikasi, sokongan, konflik, kepercayaan dan layanan secara komprehensif bagi mengenal pasti bentuk hubungan poligami dalam konteks tempatan.

Selain itu, dalam bentuk kualiti dan kepuasan poligami, kajian lepas juga telah melihat antara elemen yang boleh mempengaruhi kualiti dan kepuasan poligami adalah seperti mempunyai penghayatan yang mendalam terhadap agama dan spritual (Abd Majid et al., 2020; Stafford, 2016; Zaheri et al., 2016), boleh mengawal emosi dan perasaan (Jayos & Mohd Yadzi, 2018), mempunyai ilmu dan amal (Jaapar & Azahari, 2011), serta lokus kawalan dalaman atau luaran (Lee & McKinnish, 2019; Lestari & Indrabuati, 2020), tempoh masa perkahwinan, pendapatan keluarga dan bilangan anak (Rozmi, Ismail & Yusoff, 2015), sokongan sosial (Gumani & Sodi, 2009), dan komunikasi berkesan (Vanover, 2016). Memandangkan kajian lepas tidak memperincikan bentuk kualiti dan kepuasan ahli keluarga poligami mengikut perspektif suami, isteri-isteri dan anak-anak, kajian ini menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam dan spesifik tentang bentuk kualiti dan kepuasan keluarga poligami.

Seterusnya, kajian lepas telah meneroka implikasi poligami dari segi penyesuaian dan kesepaduan anggota keluarga dan hasilnya mendapati isteri bermadu perlu menerima tentangan untuk berubah, menimbang alternatif dan tidak bersikap berlebihan terhadap fikiran negatif (Rahmabuati, 2013), mempunyai perasaan dan emosi yang kuat untuk kekal bertahan dalam perkahwinan (Ickowitz & Mohanty, 2015), mempunyai hubungan yang mesra, harmoni dan kerjasama antara pasangan (Anita, 2015), meningkatkan ketahanan fizikal, sosial dan psikologi (Darmawijaya, 2019), mengawal kebimbangan keterlaluan yang menguasai emosi dan fikiran (Li, Robustelli & Whisman, 2016), mempersiapkan diri sendiri dengan ilmu pengetahuan

dan kefahaman nilai agama (Rais, 2014) serta kepercayaan dan keyakinan diri yang kuat (Fahmi, 2014). Walau bagaimanapun, kajian yang cuba meneliti elemen penyesuaian dan kesepaduan dalam konteks budaya tempatan seperti di Malaysia masih lagi terhad. Ekoran itu, kajian ini meneliti elemen yang mempengaruhi penyesuaian bagi seluruh ahli keluarga selepas atau semasa menjalani kehidupan poligami terhadap persekitaran dan situasi secara holistik.

Dalam aspek kefungsiian keluarga poligami dalam konteks yang umum, daripada tinjauan literatur, struktur keluarga poligami menjejaskan prestasi dan pencapaian akademik anak-anak (Al-Krenawi & Graham, 1997; Elbedour et al., 2002), prestasi dan produktiviti di tempat kerja (Ghubash, Hamdi & Bebbington, 1992; Al-Krenawi, 2012), menjejaskan kesihatan mental wanita dan anak-anak (Al-Krenawi & Graham, 1999; Darmawijaya, 2019; Al-Krenawi & Kanat-Maymon, 2017), masyarakat sekeliling mempunyai stigma dan andaian negatif terhadap pengamal poligami (Pawitasari, 2015; Mukri, 2018; Syahirah et al., 2016). Walau bagaimanapun, konteks kefungsiian keluarga adalah berbeza dari segi pengurusan dan gaya hidup setiap keluarga dan ini menjadi tumpuan kajian dalam memfokuskan kepada penerokaan dari segi hubungan sosial, prestasi akademik atau kerja, dan kesihatan mental dan fizikal ahli keluarga secara holistik.

Secara kesimpulan, kajian ini meneroka bentuk hubungan setiap anggota keluarga dari segi hubungan komunikasi, sokongan, konflik, kepercayaan dan layanan. Penelitian juga dilakukan terhadap elemen yang menggambarkan bentuk kualiti dan kepuasan ahli keluarga poligami seperti dari segi emosi & perasaan, agama dan spiritual, ilmu dan amal, lokus kawalan dalaman dan luaran, komunikasi dan interaksi, nilai romantis dan intim, karakter & personaliti. Manakala, penilaian dari sudut penyesuaian dan kesepaduan keluarga seperti aspek perasaan dan fikiran, kepercayaan

diri, karakter dan personaliti, dan faktor masa juga telah diteliti. Kemudian, kefungsiannya anggota keluarga poligami secara umum boleh dilihat daripada tiga aspek iaitu, hubungan sosial, prestasi akademik atau kerja dan kesihatan mental.

1.2 Pernyataan Masalah

Perkahwinan poligami merupakan ikatan yang sah yang mengikat pasangan antara suami dengan lebih daripada seorang isteri, namun apabila amalan poligami menjadi kontroversi dan sering diperdebatkan sehingga ke hari ini, maka memberi kesan kepada institusi keluarga seperti konflik, krisis, dan ketidakfungsian keluarga sehingga membawa kepada perpisahan serta pergolakan dalam rumah tangga. Menurut Syahirah dan rakan-rakan (2016), amalan poligami di Malaysia masih tidak diterima dengan baik oleh masyarakat. Kajian persepsi poligami di Malaysia menunjukkan peratusan yang tinggi bagi sentiment negatif iaitu bersifat menentang poligami terutamanya dari perspektif wanita. Amalan poligami pula sudah banyak diamalkan dalam masyarakat Melayu di negara ini sehingga menurut Pertubuhan Pertolongan Wanita pada 2003 terdapat banyak kes dan panggilan yang diterima dari wanita yang beragama Islam mengenai suami mengugut untuk berkahwin lain sekiranya isteri tidak menurut perintahnya (Mustafar & Badrulhisham, 2018).

Rentetan itu, laporan daripada Bernama pada 5 Januari 2010 yang menyatakan berkemungkinan perkahwinan poligami dijangka meningkat sebanyak 5% pada setiap tahun. Peningkatan terhadap amalan poligami ini sudah tentu memberikan impak yang sangat besar kepada institusi keluarga yang sedia ada kerana impak tersebut melibatkan ramai pihak terutamanya golongan suami, isteri-isteri dan anak-anak. Lantaran itu, pelbagai isu dan masalah kekeluargaan akan turut berlaku. Maka, adalah

penting kajian ini memfokuskan mengenai hubungan dan kefungsiian kekeluargaan kerana jumlahnya yang semakin meningkat.

Daripada tinjauan literatur, amalan poligami memberi impak negatif kepada institusi keluarga. Berdasarkan kajian oleh Zaleha Muhamat (2002) di Pulau Pinang, Perlis dan Kedah mendapati lebih 60 peratus isteri dan anak hidup terseksa dan tidak harmoni selepas suami atau bapa mereka berkahwin lagi. Hal ini kerana, pengalaman ahli keluarga poligami melaporkan berlakunya penganiayaan dan penderaan dalam keluarga. Hasil kajian Zaleha Muhamat (2002) menunjukkan 80 peratus aduan dari para isteri yang bersedu menyatakan mereka dianiaya tentang nafkah zahir serta suami yang mempunyai tabiat buruk seperti suka memukul isteri, berjudi dan kaki perempuan dan tidak bertanggungjawab terhadap pendidikan dan bimbingan isteri. Apabila para isteri sering mengalami penderaan dan penganiayaan, sudah semestinya masa depan keluarga poligami berada dalam keadaan sangat bermasalah dan berakhir dengan penceraian. Menurut Hakim (2018), masih banyak lagi pengamal poligami yang belum memahami tujuan perkahwinan poligami yang sebenar sehingga mempraktikkan poligami secara sewenang-wenangnya sehingga kebanyakan keluarga poligami berakhir dengan penceraian.

Selain masalah penderaan dan penganiayaan, kebanyakan perkahwinan poligami bergelut dengan masalah hubungan, khususnya suami dengan isteri pertama dan keadaannya jauh berbeza jika dibandingkan dengan sewaktu sebelum poligami kerana hubungannya lebih ke arah negatif (Saebani, 2019). Hubungan antara suami dan para isteri mula dilanda masalah apabila suami mula bersikap tidak bertanggungjawab terhadap keluarga (Ramli, Duerama & Mustafar, 2018), ahli keluarga tidak berasa bahagia, tiada ketenangan jasmani dan rohani sehingga menjejaskan hubungan kekeluargaan (Mustafar & Badrulhisham, 2018). Bentuk

hubungan dalam sesebuah perkahwinan adalah ikatan yang sangat kuat antara pasangan suami dan isteri (Wahyuni, 2013). Malah, lebih berat lagi, hubungan antara sesama isteri dalam poligami didapati mudah membawa kepada sifat cemburu, persaingan, dan ketidaksamarataan dari segi penerimaan emosi dan sumber pengurusan rumah tangga (Adams & Mburugu, 1994; Al-Krenawi & Slonim-Nevo, 2008). Sifat cemburu dan iri hati antara sesama isteri berpunca daripada sikap suami yang terlalu melebihkan isteri yang lain dan membuatkan diri mereka seperti tidak dilayani dengan adil (Oguda, 2012). Apabila berlakunya masalah hubungan antara suami dengan para isteri, isteri pertama dengan madu, boleh mengakibatkan hubungan dan kefungsi keluarga turut terjejas dan ini membuatkan institusi keluarga poligami semakin bermasalah dan memberi impak negatif kepada keseluruhan ahli keluarga.

Selain itu, kajian mengenai keluarga poligami mendapati sukar untuk mencapai kestabilan, kebahagiaan dan keharmonian dalam rumah tangga disebabkan oleh beberapa faktor seperti tahap kepuasan dan kualiti perkahwinan yang rendah (Doodman, 2015; Al-Krenawi, 2012; Al-Krenawi, 1999 & Brandon, 1992). Kebanyakan para isteri tidak mencapai kepuasan dan tidak gembira dengan perkahwinan poligami kerana suami terlalu bersikap dominan, mengawal sepenuhnya terhadap pembuatan keputusan dan terlalu bersifat patriarki (Thobejane, 2016). Implikasinya, suami sukar untuk memberikan ruang kepada para isteri untuk membincangkan sesuatu perkara dan tidak terlalu melayani emosi dan perasaan isteri dan menjadikan poligami hanya lebih memberi manfaat dan kelebihan kepada kaum lelaki sahaja (Mukhuba, 2017). Suami yang terlalu bersifat patriarki tidak mampu memberikan kasih sayang dan cinta yang harmoni kepada kesemua isteri serta tiada kesungguhan untuk bersikap romantis dan membahagikan keintiman dengan adil (Janakowiak, 2008). Suami yang bersikap terlalu mengawal dan mendominasi

hubungan terhadap para isteri boleh membawa kepada kemurungan dan tekanan kepada para isteri (Ozer, Orhan & Ekerbicer, 2013). Rentetan itu, aspek kualiti dan kepuasan hubungan dalam poligami semakin menurun dan situasinya menjadi lebih buruk lagi sekiranya suami terlalu bersikap dominan terhadap isteri. Aspek kualiti dan kepuasan dalam hubungan kekeluargaan poligami adalah aspek yang kritikal terhadap para isteri dan anak-anak serta suami, kerana mereka berdepan dengan pelbagai risiko yang lebih tinggi untuk berasa tidak gembira, tidak positif, tekanan, dan kesukaran dalam membina kehidupan yang lebih baik dalam berpoligami.

Kajian lepas telah banyak meneroka pengalaman keluarga poligami dari sudut psikososial, kesejahteraan keluarga poligami, penderaan dan penganiayaan poligami terhadap isteri (Al-Krenawi, Slonim-Nevo, & Graham, 2006; Hassouneh-Philips, 2001). Amat sedikit kajian yang memberi fokus kepada aspek positif dalam bentuk kualiti dan kepuasan keluarga poligami. Sedangkan ahli keluarga poligami berhak untuk menerapkan elemen kualiti dan kepuasan dalam kehidupan keluarga mereka supaya institusi rumah tangga poligami boleh dijalani seperti biasa sebagaimana institusi keluarga monogami yang lain.

Selain itu, keluarga poligami mengalami masalah yang sukar dalam menyesuaikan diri selepas melalui perubahan struktur keluarga daripada monogami kepada poligami (Al-Krenawi & Slonim-Nevo, 2008). Hal ini kerana, keluarga monogami sentiasa berhadapan dengan risiko untuk memasuki ke dalam bentuk struktur poligami dan menghadapi fasa-fasa tertentu dan cabaran dalam kehidupan mereka (Slonim-Nevo & Al-Krenawi, 2006). Apabila baru sahaja memulakan kehidupan poligami, terdapat banyak masalah dan isu yang timbul seperti cabaran dalam mengendalikan emosi, kognitif dan tingkah laku (Subhi, Mohd Nasir & Abd Razak, 2020), menguruskan perasaan dan fikiran (Jayos & Mohd Yadzi, 2018),

penurunan komitmen dan bersikap berlebihan terhadap fikiran negatif (Rahmabuati, 2013), menerima perubahan dari segi layanan suami, ekonomi dan kefungsian keluarga (Al-Krenawi & Kanat-Maymon, 2017). Hal ini tentunya meningkatkan lagi kesulitan dan kesukaran setiap ahli keluarga terutamanya para isteri dan anak-anak dalam menerima dan menyesuaikan diri mereka dengan perubahan dan membina persekitaran yang baru dalam sistem poligami. Dalam pada itu juga, Ickowitz dan Mohanty (2015) melaporkan bahawa isteri bermadu merasai pengalaman dari segi perasaan yang tidak seronok dan kurang berpuas hati dengan perkahwinan sedia ada kerana terdapat perubahan dari segi layanan suami. Terhadap masalah yang dihadapi oleh anak-anak pula, mereka akan mengalami perubahan yang ketara dari segi keyakinan diri dan intelektual (Lujin Hasan, 2017). Lebih memburukkan lagi keadaan, masalah kesukaran dalam penyesuaian ini akan menyebabkan kanak-kanak daripada keluarga poligami mempunyai masalah tingkah laku dan akademik yang lebih tinggi berbanding keluarga monogami (Al-Krenawi & Graham, 1997; Elbedour et al., 2002). Sekiranya ahli keluarga tidak berupaya menyesuaikan diri dengan baik, sudah semestinya menjejaskan hubungan, kefungsian dan keharmonian keluarga. Rentetan itu, kajian mengenai penyesuaian dan kesepaduan keluarga adalah penting untuk dijalankan bagi membantu mana-mana ahli keluarga yang sedang atau bakal mendirikan poligami boleh melalui proses penyesuaian dan kesepaduan dalam kaedah yang betul. Lebih-lebih lagi dapat membimbing mereka untuk terus komited dan cekal dalam mengharungi kehidupan poligami. Malah, implikasi kepada kesejahteraan keluarga boleh menjadi lebih serius dan membimbangkan sekiranya tidak ada banyak kajian yang memfokuskan kepada faktor-faktor penyesuaian yang boleh membantu rumah tangga poligami untuk hidup secara sihat, seimbang dan harmoni seperti keluarga monogami yang lain.

Dalam pada itu juga, amalan poligami memberikan impak yang ketara dari segi kefungsiian keluarga secara umum. Berdasarkan kajian lepas, kehidupan poligami menjejaskan masalah kefungsiian keluarga dari tiga aspek, iaitu hubungan sosial, prestasi akademik dan kerja, dan kesihatan mental ahli keluarga. Dari segi hubungan sosial, wanita hidup bersedu mempunyai interaksi sosial yang tidak gembira, imej sendiri yang rendah, dan bersikap menjauhkan diri daripada masyarakat (Al-Krenawi, 2001; Daoud et al., 2014). Antara sebab hubungan sosial kurang memuaskan dalam kalangan isteri bersedu adalah kerana mereka terlalu memikirkan stigma dan persepsi masyarakat serta individu yang rapat dengan sekeliling mereka bahawa isteri yang dimadukan bukanlah isteri yang baik, lemah dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai isteri dan tidak mampu menjaga suami mereka (Al-Krenawi, 2001). Tambahan pula, masyarakat masih mempunyai kefahaman dan interpretasi yang salah terhadap poligami sehingga memberi kecaman terhadap pengamalnya (Ramli & Mustafa, 2018). Antara punca kepada kecaman masyarakat adalah kerana suami berpoligami masih gagal menjalankan tanggungjawab dari segi nafkah isteri, tempat tinggal, pakaian, waktu giliran, dan keperluan penting untuk isteri dan anak-anak (Ramli & Mustafa, 2018), poligami menyiksa para isteri (Pawitasari, 2015), dan poligami tempat suami melempiaskan nafsu (Mukri, 2018). Seperkara lagi, masyarakat Islam kontemporari sendiri lebih mengiktiraf monogami berbanding poligami (Mukri, 2018). Oleh sebab itu, ahli keluarga poligami mula berasa bimbang, rendah diri dan takut untuk mendedahkan latar belakang keluarga kepada masyarakat kerana dikhuatiri dengan stigma dan persepsi negatif tersebut boleh menyebabkan hidup mereka semakin tertekan sepanjang melalui kehidupan berpoligami.

Selain itu, kajian lepas melaporkan bahawa amalan poligami boleh menjejaskan kefungsi keluarga dalam aspek prestasi akademik anak-anak dan kemerosotan pekerjaan ahli keluarga. Paling membimbangkan dan ditakuti adalah, anak-anak yang dibesarkan dalam kefungsi keluarga yang bermasalah akan menyumbang kepada masalah negatif di sekolah seperti ponteng, berhenti belajar, dan berisiko tinggi untuk mengambil dadah serta melakukan tingkah laku devian (Beiser et al., 2002). Kajian lepas yang lain menunjukkan keluarga poligami yang bermasalah dari segi kefungsi keluarga menyumbang kepada masalah tingkah laku dan prestasi akademik yang kurang baik dalam kalangan kanak-kanak (Al-Krenawi & Graham, 1997). Hal ini kerana, kanak-kanak daripada keluarga poligami selalu berfikir negatif, mempunyai masalah emosi, tidak selesa dengan persekitaran mereka dan sukar membina hubungan baik dengan rakan-rakan (Al-Krenawi & Slonim-Nevo, 2008; Cherian, 1990). Dalam pada itu juga, kebanyakan suami dan isteri berdepan dengan pelbagai cabaran untuk membina kefungsi keluarga yang baik semasa berpoligami. Dalam tempoh menghadapi cabaran tersebut, secara tidak langsung mempengaruhi kemerosotan mutu kerja dan produktiviti dalam menjalankan tugas oleh para suami dan isteri (Hassouneh, 2001; Slonim-Nevo, Al-Krenawi & Shani-Yuval, 2008).

Selain itu, keluarga poligami yang mengalami masalah kefungsi boleh menjejaskan kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi ahli keluarga terutamanya isteri dan anak-anak. Ada dalam kalangan anak-anak daripada keluarga poligami mengalami isu kurang mempercayai diri sendiri, berasa malu, rendah diri, dan kesukaran dalam pergaulan (Azizah, 2020). Wanita hidup bermadu juga menunjukkan simptom masalah kesihatan mental yang lebih tinggi berbanding wanita monogami, seperti masalah gejala somatik, kepekaan interpersonal, kebimbangan, kemurungan, penentangan, kebimbangan dan fobia (Al-Krenawi & Kanat-Maymon, 2017). Hal ini

berlaku tentunya disebabkan kegagalan atau kelemahan suami beserta kerjasama daripada para isteri dalam membangunkan institusi poligami sebagai sebuah sistem yang boleh meningkatkan kefungsian keluarga dengan lebih baik dan efektif.

Perbincangan permasalahan kajian di atas telah menjelaskan betapa pentingnya lebih banyak kajian dijalankan dalam hubungan keluarga, kualiti dan kepuasan, penyesuaian dan kesepaduan keluarga, serta kefungsian keluarga poligami secara umum. Ianya membawa kepada kepentingan untuk menjawab beberapa persoalan kajian seperti yang dibincangkan di bawah.

1.3 Persoalan Kajian

Perbincangan permasalahan kajian di atas membawa kepada persoalan kajian yang berikut:

1. Apakah bentuk hubungan dalam konteks ahli keluarga berpoligami?
2. Bagaimanakah bentuk kualiti dan kepuasan ahli keluarga poligami?
3. Bagaimanakah ahli keluarga menilai poligami dari sudut penyesuaian dan kesepaduan ahli keluarga?
4. Bagaimanakah kefungsian ahli keluarga dalam konteks yang umum?

1.4 Objektif Kajian

Empat objektif kajian telah dibentuk oleh pengkaji untuk memandu kajian ini, iaitu:

1. Meneroka bentuk hubungan ahli keluarga berpoligami
2. Meneliti bentuk kualiti dan kepuasan ahli keluarga berpoligami

3. Meneroka penilaian ahli keluarga dalam menilai poligami dari sudut penyesuaian dan kesepaduan keluarga.
4. Meneroka kefungsiian ahli keluarga dalam konteks umum.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana dapat menyumbang kepada lebih banyak kajian-kajian yang berbentuk empirikal mengenai keluarga poligami. Seperti yang dibincangkan dalam pernyataan masalah, kajian ini adalah penting memandangkan kes poligami dilaporkan semakin meningkat setiap tahun. Kajian ini akan memberi lebih banyak kefahaman tentang keluarga poligami, khususnya dari segi bentuk hubungan, kualiti dan kepuasan, penyesuaian dan kesepaduan serta kefungsiian keluarga poligami. Dalam pernyataan masalah telah diperjelaskan tentang kekurangan kajian yang mengupas dan mengkaji isu ini secara lebih menyeluruh yang bukan hanya melihat keluarga poligami dari aspek negatif, tetapi juga aspek positif.

Perbincangan dalam pernyataan masalah telah membincangkan aspek negatif yang timbul dalam keluarga poligami. Mereka menghadapi risiko dan masalah seperti penderaan, penganiayaan dan masalah hubungan dalam keluarga, khususnya untuk para isteri dan anak-anak. Kajian ini berusaha melihat isu ini dari aspek hubungan kekeluargaan dan cuba mengenal pasti bentuk hubungan kekeluargaan yang positif dalam keluarga poligami. Hal ini boleh membantu memberi kefahaman tentang apakah pendekatan yang boleh diambil untuk mengurangkan risiko dan masalah yang sering berlaku dalam keluarga poligami seperti konflik, hubungan antara suami dan para isteri, isteri pertama dengan madu, dan anak-anak dengan keluarga. Menerusi kajian ini, diharapkan dapat memberi nafas baru dalam bidang psikologi perkahwinan dan keluarga. Terutamanya dalam memperluaskan kemahiran bidang profesionalisme

dalam memberikan perkhidmatan terapi, perundingan dan kaunseling seperti Pegawai Psikologi, Kaunselor, Ahli Terapi, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam (Cerai dan Rujuk) dan badan perundingan keluarga yang lain. Hal ini kerana, badan-badan ini merupakan tempat rujukan utama dalam mengurus dan mengendalikan kes-kes rumah tangga dan isu-isu kekeluargaan. Lantas, pengetahuan, kemahiran dan ilmu mengenai rumah tangga poligami perlu dikuasai oleh badan profesionalisme dalam memberikan perkhidmatan intervensi dari segi memperbaiki sistem kekeluargaan poligami dari segi hubungan dan kefungsian keluarga.

Perbincangan dalam pernyataan masalah telah membincangkan mengenai tahap kualiti dan kepuasan yang rendah dalam perkahwinan poligami sehingga menyebabkan ahli keluarga tidak berasa gembira, tidak positif dan mengalami penurunan yang ketara dari segi kualiti dan kepuasan dalam hidup berkeluarga. Kajian ini berusaha meneliti isu tersebut dari aspek bentuk kualiti dan kepuasan poligami. Hal ini boleh memperkembangkan lagi indikator-indikator yang khusus untuk meningkatkan lagi tahap kualiti dan kepuasan dalam kalangan keluarga poligami. Indikator tersebut boleh menjadi rujukan kepada bakal penyelidik yang ingin mengkaji isu ini dan membantu dalam merealisasikan salah satu daripada enam strategi Dasar Keluarga Negara (DKN) iaitu, menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang kesejahteraan keluarga kerana hasilnya dapat digunakan sebagai input kepada penggubalan dasar dan undang-undang serta perancangan program kekeluargaan. Maklumat daripada kajian ini juga mampu membantu kerajaan dalam pelaksanaan DKN yang memfokuskan kepada aspek kesejahteraan dan pembangunan keluarga.

Perbincangan dalam pernyataan masalah telah membincangkan mengenai ahli keluarga poligami melalui tempoh keadaan yang sukar dalam menyesuaikan diri dalam persekitaran struktur keluarga yang baru. Terlalu banyak masalah yang berlaku semasa

proses penyesuaian seperti menguruskan perasaan, emosi, fikiran, kognitif dan tingkah laku. Kajian ini berusaha melihat masalah ini dari aspek penyesuaian dan kesepaduan setiap ahli keluarga dan melakukan penilaian terhadap elemen penyesuaian yang dilakukan oleh mereka dalam mencapai penyesuaian diri yang terbaik. Hal ini boleh membantu memberi petunjuk, panduan dan rujukan kepada mana-mana ahli keluarga yang sedang mengalami kesukaran dalam fasa menyesuaikan diri. Sehubungan itu juga, dapatan kajian ini dapat memberi input baru kepada mana-mana pihak seperti badan-badan kerajaan, *non-governmental organizations* (NGO) dan badan profesional untuk membangunkan program atau intervensi pada peringkat awal dalam usaha membantu institusi keluarga poligami untuk lebih stabil semasa menjalani persekitaran keluarga yang baru.

Dalam pada itu juga, perbincangan dalam pernyataan masalah telah membincangkan amalan poligami menjejaskan kefungsi keluarga dalam tiga aspek iaitu hubungan sosial, prestasi akademik dan kerja dan kesihatan mental ahli keluarga. Ahli keluarga mendapat kecaman dan stigma daripada masyarakat sekeliling, anak-anak yang masih belajar dan bersekolah terjejas dari segi prestasi pembelajaran, termasuk ibu bapa yang mula mengalami penurunan prestasi dan produktiviti dalam pekerjaan. Tambahan pula, terdapat sebilangan ahli keluarga yang mengalami simptom dan masalah kesihatan mental. Kajian ini berusaha melihat isu tersebut dari aspek kefungsi keluarga poligami secara umum dalam konteks tempatan sama ada mereka juga turut terjejas dalam tiga aspek tersebut. Pentingnya melihat isu ini kerana dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai kefungsi keluarga poligami yang sebenar untuk dijadikan sebagai rujukan utama kepada dasar, polisi dan objektif kementerian dan agensi-agensi berkaitan di Malaysia yang bertanggungjawab dalam membangunkan keluarga sejahtera melalui dasar-dasar dan program yang

dilaksanakan seperti Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWKM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Memandangkan isu kekeluargaan poligami tidak banyak diberikan perhatian di Malaysia, kajian ini penting untuk menyalurkan ilmu dan maklumat kepada pembangunan model keluarga Islam di Malaysia yang berupaya memberikan contoh atau rujukan kepada Majlis Agama Islam Negeri di seluruh Malaysia.

Di akhir kajian ini, diharapkan implikasi poligami kepada teoretikal, terapi kaunseling keluarga, polisi dan dasar keluarga dapat dicadangkan. Implikasi daripada kajian ini juga diharapkan dapat menambah kefahaman, pengetahuan, dan rujukan kepada pelbagai pihak dalam merangka, melaksana serta menambah baik terhadap program atau modul dalam perkahwinan dan keluarga yang seterusnya bukan sahaja dapat meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan psikologikal keluarga poligami, bahkan boleh menjadi rujukan kepada institusi keluarga yang lain seperti monogami.

1.6 Definisi Konseptual

1.6.1 Poligami

Poligami secara umumnya didefinisikan sebagai hubungan perkahwinan yang melibatkan seorang suami mempunyai lebih dari seorang isteri (Shepard, 2013). Istilah poligami yang biasanya digunakan diseluruh dunia bermaksud amalan perkahwinan yang mempunyai bilangan beberapa orang isteri (Valsiner, 1989). Manakala, menurut Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ke-4, poligami ditakrifkan sebagai amalan beristeri lebih daripada satu orang pada masa yang sama. Terdapat tiga bentuk poligami menurut Al-Krenawi (2001), *polygyny* (seorang suami mempunyai dua atau lebih isteri, selepas itu merujuk kepada poligami), poliandri (seorang isteri mempunyai dua atau lebih suami) dan *polygynandry* (senario perkahwinan berkumpulan yang mana

dua atau lebih isteri secara langsung berkahwin dua atau lebih suami). Daripada tiga bentuk tersebut, praktis poligami adalah yang paling dominan dan selalu diamalkan oleh kebanyakan negara di dunia. Suami yang berkahwin lebih daripada seorang boleh diklasifikasikan sebagai praktis poligami walaupun mempunyai bilangan isteri dua, tiga atau empat orang.

1.6.2 Keluarga

Keluarga juga diistilahkan sebagai suatu komposisi terikat melalui ikatan perkahwinan yang dijalinkan melalui proses kasih sayang, percintaan, kesepadanan seksual dan keserasian untuk menghasilkan keturunan, zuriat dan kelangsungan kehidupan manusia di dunia (Rahmabuaty, 2015). Keluarga juga adalah satu sistem terikat, tergolong, terkumpul dan berstruktur yang menjadi asas kepada pembentukan sebuah masyarakat dan komuniti untuk berkongsi hidup sebagai makhluk yang mendiami muka bumi ini (Goldenberg & Goldenberg, 2013).

Keluarga juga merupakan unit sosial yang paling asas dalam masyarakat dan diartikan sebagai penyatuan individu yang berinteraksi dengan ahli-ahli lain dalam sesuatu kelompok yang mempunyai pertalian darah ataupun pernikahan di antara mereka (Rosnah, 2009). Dalam definisi yang lain, keluarga adalah kumpulan sosial yang asas dalam masyarakat yang biasanya terdiri daripada satu atau dua ibu bapa dan anak-anak. Keluarga juga merupakan aset yang bernilai untuk berkongsi matlamat dan nilai-nilai yang baik dan harmoni untuk kelangsungan hidup dalam sebuah kediaman (Rosnah, 2009). Esposito & Hattem (2017) menyatakan konsep keluarga boleh diperluaskan secara inklusi kerana kekeluargaan adalah meliputi fungsi tradisional dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh masyarakat kepada keluarga. Keluarga juga meliputi pertimbangan kepelbagaian dalam struktur dan nilai kekeluargaan. Keluarga

juga memainkan peranan yang penting dalam menentukan jantina, orientasi seksual, umur, keadaan, hasil dan nilai spritual. Makna keluarga secara tradisinya dibahagikan kepada dua iaitu, berstruktur (hubungan antara ahli berdasarkan perkahwinan, darah atau adopsi dan fungsi (tugas yang harus dipikul oleh keluarga seperti mengasuh anak, transmisi nilai kepada sosial yang lebih luas).

1.6.3 Bentuk Hubungan

Para pengkaji yang lepas bersepakat dalam mendefinisikan bentuk hubungan dalam keluarga sebagai dimensi dan subdomain yang terdiri daripada ekspresi, kesepaduan, dan konflik dalam menggambarkan bagaimana sesebuah keluarga itu berfungsi (Margola et al., 2017). Manakala, Moos dan Moos (1981) dan Moos (1990) menggambarkan bentuk hubungan sebagai hubungan interpersonal ahli keluarga yang melibatkan kesepaduan, komunikasi dan resolusi konflik. Bentuk hubungan juga telah digeneralisasikan sebagai bentuk hubungan yang mempunyai elemen komunikasi (Booreng, 2017), konflik keluarga dan sokongan sosial (Almutairi, 2017) dan juga keintiman (Kulik & Kitaichik, 2014). Bentuk hubungan keluarga adalah individu yang memikirkan tentang diri sendiri, anak-anak, ahli keluarga antara satu sama lain untuk kelangsungan kehidupan ahli keluarga.

1.6.4 Kualiti dan Kepuasan Hubungan

Kualiti hubungan adalah merujuk kepada hubungan yang baik dan bagaimana perkongsian antara satu sama lain memberikan hasil yang efektif kepada sesuatu hubungan dan sejauh manakah kegembiraan yang mereka perolehi hasil daripada hubungan tersebut (Reynolds, Houlston, & Coleman, 2014). Kualiti hubungan dalam keluarga adalah gambaran pengalaman kehidupan daripada apa yang sedang berlaku

dalam sesebuah keluarga sama ada positif atau negatif. Kualiti dalam sesuatu hubungan adalah penting kerana menggambarkan tahap kualiti dan kesejahteraan dalam sesebuah keluarga. Manakala kepuasan hubungan adalah merujuk kepada tahap kegembiraan atau kebahagiaan hubungan antara pasangan, perasaan mereka tentang hubungan, perspektif dan persepsi tentang hubungan kekeluargaan secara umum (Holman, 2002). Kepuasan hubungan dalam keluarga juga boleh difahami sebagai tahap kegembiraan yang dirasakan oleh ahli keluarga dan bagaimana mereka memenuhinya di antara satu sama lain (Olson, 1989).

1.6.5 Penyesuaian dan Kesepaduan Keluarga

Penyesuaian keluarga dikonsepsikan sebagai sejauh manakah ahli keluarga dapat menyesuaikan diri dengan struktur, undang-undang, dan peranan dalam berhadapan dengan cabaran-cabaran perubahan sistem dan keperluan yang berkemungkinan akan dihadapi oleh ahli keluarga (Falicov, 1988). Penyesuaian keluarga juga adalah kebolehan ahli untuk berubah apabila situasi dan keadaan yang memerlukan untuk berubah kepada sistem dan struktur yang baru. Penyesuaian keluarga juga boleh didefinisikan sebagai proses pencapaian ahli keluarga terhadap pra dan pos krisis penyesuaian berdasarkan pemerhatian jangka panjang ahli terhadap sebarang perubahan yang berlaku ke atas kehidupan mereka (Schneiders, 1960). Manakala kesepaduan keluarga menurut Falivoc (1988) adalah sejauh manakah kerapatan ahli keluarga dalam merasai dan berkongsi emosi, atau perasaan mereka terhadap saling berhubungan atau kesefahaman antara satu sama lain. Penyesuaian dan kesepaduan adalah dua elemen yang saling berhubung kait antara satu sama lain dalam menggambarkan tentang situasi dan keadaan yang sedang dialami oleh ahli keluarga dalam konteks poligami.

1.6.6 Kefungsian Keluarga dalam Konteks Umum

Menurut Deal, Trivette & Dunst (1988), kefungsian keluarga adalah berdasarkan beberapa indikator seperti, nilai keluarga, pola interaksi dan keterampilan keluarga. Kefungsian keluarga adalah jaminan kepada sejauh manakah kemampuan ahli keluarga mampu mengekalkan homeostasis untuk mencapai kesejahteraan kehidupan yang lebih baik di bawah satu sistem. Kefungsian keluarga dalam konteks umum adalah melihat kefungsian kesemua anggota diluar daripada sistem keluarga itu sendiri yang melibatkan kefungsian mereka dengan tempat kerja, sekolah, masyarakat sekeliling dan kesihatan mental dan fizikal.

1.7 Definisi Operasi

1.7.1 Poligami

Dalam konteks kajian ini, poligami yang dimaksudkan adalah golongan suami yang mempunyai lebih daripada dua orang isteri, tiga atau empat. Suami tersebut sedang dalam tempoh menjalani kehidupan berpoligami dan mempunyai sekurang-kurangnya dua orang isteri yang masih sah serta mempunyai anak-anak yang berumur sekurang-kurangnya 12 tahun ke atas.

1.7.2 Keluarga

Dalam konteks kajian ini, bentuk dan sistem keluarga yang akan difokuskan adalah keluarga yang menjalani kehidupan secara berpoligami. Penstrukturan keluarga tersebut melibatkan seorang suami (ayah) mempunyai dua, tiga atau empat orang isteri (ibu) dan setiap pasangan ayah dengan bilangan isteri yang lain masing-masing mempunyai ahli keluarga (anak) hasil daripada perkahwinan pertama, kedua atau yang seterusnya dengan suami yang sama.

1.7.3 Bentuk Hubungan

Dalam kajian ini, penerokaan kepada bentuk hubungan adalah melihat kepada keadaan hubungan komunikasi, sokongan, konflik, komitmen dan kesungguhan sesama ahli keluarga dalam konteks kehidupan berpoligami. Penerokaan tersebut melibatkan gambaran dan pengalaman hubungan antara ahli keluarga yang terdiri daripada suami terhadap para isteri, sesama isteri, anak-anak dengan ibu bapa kandung, atau anak-anak dengan ibu dan adik beradik yang lain. Bentuk hubungan juga adalah berbeza dengan kepuasan dan kualiti hubungan kerana penerokaan bentuk hubungan lebih kepada *nature of relationship* setiap ahli keluarga sahaja. Misalnya, dari segi keadaan hubungan setiap keluarga berada dalam keadaan semakin baik, bermasalah, positif atau negatif, hubungan komunikasi, kepercayaan, konflik, kepercayaan, layanan dan sokongan. Ianya juga hanya melihat kepada deskripsi perhubungan yang berlaku antara ahli keluarga.

1.7.4 Kualiti dan Kepuasan Hubungan

Dalam kajian ini, kualiti dan kepuasan hubungan dilihat dari segi elemen atau bentuk yang boleh digambarkan atau dialami oleh setiap ahli keluarga semasa melalui kehidupan berpoligami. Penerokaan lebih menumpukan kepada aspek hubungan tertentu yang membawa kepada tahap kualiti dan kepuasan ahli keluarga berdasarkan pengalaman mereka. Ianya juga melihat apakah bentuk-bentuk kualiti dan kepuasan poligami yang wujud dalam perhubungan tersebut.

1.7.5 Penyesuaian dan Kesepaduan keluarga

Dalam kajian ini, penyesuaian dan kesepaduan dilihat dari segi perubahan dan transisi yang berlaku apabila keluarga monogami mula beralih kepada keluarga

berpoligami. Penyesuaian yang difokuskan adalah melihat kepada faktor yang mempengaruhi penyesuaian yang berkesan terhadap ahli keluarga. Dalam pada itu juga, penilaian dari sudut penyesuaian dan kesepaduan adalah dengan melihat kepada pencapaian terhadap pra dan pos krisis berdasarkan pemerhatian keluarga secara holistik.

1.7.6 Kefungsian Keluarga dalam Konteks Umum

Dalam kajian ini, kefungsian dalam konteks umum merujuk kepada sejauh manakah ahli keluarga berfungsi dengan baik di luar daripada sistem keluarga, misalnya, jika suami dan para isteri bekerja, apakah mereka dapat berfungsi dengan baik di tempat kerja, tahap prestasi dan kualiti pekerjaan, hubungan dengan jiran, saudara mara dan masyarakat sekeliling. Begitu juga dengan anak-anak yang masih bersekolah apakah mereka berfungsi dengan baik di sekolah, contohnya dari segi prestasi akademik, rekod kedatangan, disiplin dan hubungan sosial dengan rakan-rakan serta guru di sekolah. Kemudian, bagaimanakah impaknya terhadap kesihatan fizikal dan mental bagi kesemua ahli keluarga.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka bentuk hubungan dan kefungsian kekeluargaan dalam konteks keluarga poligami. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi. Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat daripada responden. Skop kajian ini merangkumi populasi struktur keluarga yang mengamalkan sistem poligami dalam sekitar Negeri Selangor. Manakala sampel bagi kajian ini adalah beberapa buah keluarga poligami yang telah memenuhi syarat dan

pemilihan kriteria yang telah ditetapkan. Kajian ini juga melibatkan sampel kanak-kanak yang berusia 12 tahun ke atas dan perlu mendapatkan persetujuan ibu bapa untuk dijadikan sebagai responden kajian.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Secara umum, tujuan kajian ini adalah untuk meneroka bentuk hubungan dan kefungisian ahli keluarga yang berpoligami. Oleh itu, bab ini dimulakan dengan pendefinisian dan bentuk poligami yang menjadi asas kepada orientasi penyelidikan dalam kajian ini. Selepas definisi dan bentuk poligami dibincangkan, bab ini diteruskan dengan kronologi amalan poligami bermula dari zaman Mesopotamia sehinggalah zaman pra dan kegemilangan Islam. Selepas memahami sejarah dan kronologi poligami, bab ini diteruskan dengan amalan poligami dari konteks budaya bermula dalam konteks dunia, Asia dan negara Malaysia. Seterusnya, poligami dibincangkan dari segi tujuan dan faktor poligami dalam usaha untuk memahami perbezaan antara tujuan dan faktor untuk mendirikan poligami. Setelah tujuan dan faktor poligami dibincangkan, bab ini diteruskan dengan sorotan literatur mengenai bentuk hubungan, kualiti dan kepuasan, penyesuaian dan kesepaduan serta kefungisian keluarga poligami secara umum yang merupakan elemen penting dalam kajian ini. Bahagian ini merupakan asas utama kepada kajian ini, khususnya dari segi pembentukan kerangka teoretikal dan konseptual. Kemudian, bab ini diteruskan dengan perbincangan kerangka teoretikal dan konseptual kajian yang diakhiri dengan kerangka konseptual ibarat peta yang menggambarkan hala tuju secara keseluruhan kajian turut dipersembahkan dalam bab ini.